

02 FEB 2000

Pesara-Pencen

PERSATUAN PESARA KERAJAAN MINTA PENCEN MINIMUM

KUALA LUMPUR, Feb 2 (Bernama) -- Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia akan mengesyorkan kepada kerajaan supaya menetapkan pencen minimum mengikut garis kemiskinan, kata Timbalan Presidennya, Tan Sri Abdullah Mohd Salleh.

Menurut beliau, ramai pesara kini menikmati pencen di bawah garis kemiskinan dan mereka menghadapi kerumitan untuk menyara diri dan keluarga berikutan kos hidup yang tinggi sekarang.

"Ini melibatkan mereka yang bersara pada tahun 70-an dan 80-an, kebanyakannya buruh dan bergaji rendah sebelum bersara," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Kerajaan kini menetapkan pendapatan RM250 sebulan sebagai garis kemiskinan.

Bagaimanapun, Abdullah berkata persatuan itu sedar kini bukannya masa yang sesuai untuk mendesak kerajaan menetapkan pencen minimum berikutan krisis kewangan yang baru sahaja berakhir.

Abdullah juga berkata, persatuan berharap kerajaan memberikan sugu hati tahunan kepada pesara sebagaimana yang dilakukan pada tahun 1998 apabila mereka menerima RM600.

Mengenai cadangan Cuepacs supaya umur persaraan wajib dinaikkan kepada 58 tahun daripada 55 tahun sekarang, Abdullah berkata ia sepatutnya ditetapkan pada umur 60 tahun tetapi untuk sektor tertentu sahaja.

"Secara peribadi saya rasa ia patut dinaikkan kepada 60 tahun tetapi bukan semua sektor. Hanya sektor yang memerlukan kakitangan yang berpengalaman seperti guru, pensyarah, jurutera dan lain-lain sahaja perlu diberi keutamaan," katanya.

Cadangan Cuepacs itu bagaimanapun telah ditolak oleh kerajaan baru-baru tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyatakan bahawa kerajaan sedia mendengar hujah-hujah lain yang menyokong cadangan kenaikan itu.

Abdullah juga berkata, sambutan terhadap persatuan itu masih tidak memuaskan kerana hanya kira-kira 20,000 pesara menjadi anggotanya walaupun terdapat hampir 300,000 pesara di seluruh negara.

Bagi mengeratkan perhubungan antara anggota, Persatuan Pesara Kerajaan cawangan Wilayah Persekutuan akan mengadakan perjumpaan muhibah pada 12 Feb ini di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kata Abdullah yang juga pengerusi cawangan itu.

-- BERNAMA

AR NMO